

Senario Usahawan dan Keusahawanan Melayu dalam Industri Perabot di Malaysia

Mohd Rafi Yaacob
Universiti Malaysia Kelantan

Tuan Mohd Rosli Tuan Hassan
Universiti Teknologi Mara)

ABSTRAK

Malaysia adalah salah sebuah pengeluar perabot kayu terbesar di dunia. Walau bagaimanapun pemain industri di kalangan usahawan Melayu amatlah kecil dari segi bilangan mahupun jumlah eksport. Keadaan ini diperburukan apabila apabila usahawan yang sedia ada tidak dapat meneruskan kelestarian perniagaan mereka kerana persaingan yang sengit mahupun kelemahan mereka dari pelbagai aspek keusahawanan. Senario ini semakin parah dengan kekurangan golongan pelapis yang mampu meneruskan kelangsungan usahawan Melayu dalam industri ini. Justeru, matlamat kertas kerja ini ialah untuk membuat tinjauan awal scenario berkenaan usahawan dan keusahawanan industri perabot di Malaysia. Metod penyelidikan menggunakan data sekunder yang didapati daripada statistik kerajaan mahupun kajian yang telah lepas. Ia merangkumi dua aspek penting iaitu melihat secara makro iaitu perkembangan industri, dasar kerajaan dan seterusnya rangsangan pertumbuhan industri ini di Malaysia. Aspek kedua pula menyentuh aspek usahawan dan keusahawanan dimana pencapaian usahawan bumiputra dalam industri ini pada tahun-tahun kebelakang ini dikupas. Kajian ini boleh memberi input yang berguna kepada pelbagai pihak yang berkepentingan dalam industri termasuk juga usahawan dan bakal usahawan Melayu dalam industri berasaskan kayu di Malaysia mahupun pembuat dasar dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan usahawan Melayu di Malaysia.

PENGENALAN

Sektor pembuatan termasuk industri perabot dan produk berasaskan kayu telah banyak berperanan dalam ekonomi negara Malaysia, industri ini telah menjadikan negara sebagai negara pengeksport perabot kesepuluh terbesar di dunia, dan ketiga di Asia (*Malaysia Furniture Industry Council* (MFIC), 2009). Pada tahun 2011, sumbangan industri perabot adalah RM33 billion, iaitu RM20 billion melalui eksport, dan selebihnya RM13 billion melalui penggunaan domestik (MTIB, 2011). Sasaran eksport industri ini adalah RM53 billion pada tahun 2020. Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk merencanakan perkembangan aktiviti perniagaan kerana ia telah memberi sumbangan yang besar kepada negara melalui aktiviti eksport dan juga penjana tenaga kerja (RMK 10).

Kecemerlangan negara dalam sektor aktiviti eksport produk berasaskan kayu terutama perabot bagaimanapun gagal raih oleh usahawan perabot Melayu yang rata-rata ternyata jauh ketinggalan berbanding kaum lain sedangkan kaum Bumiputera merupakan kaum majoriti (60%) di Malaysia. Buktinya, peratusan pengeksport bumiputera menurun dari 4.5% tahun 1990 kepada hanya 0.3% pada ke tahun 2010 (MTIB, 2010). Usahawan Melayu juga tidak menguasai pasaran domestik - hanya menguasai 20% sahaja berbanding 80% penguasaan usahawan bukan Melayu. Didapati sebahagian dari mereka sukar untuk meneruskan perniagaan sehingga terpaksa gulung tikar (Tuan Mohd Rosli, Mohd Rafi, Mohd Shukri Omar, Nik Kamaruzaman, Ahmad Faez & Ahmad Hafez, 2011). Situasi tersebut sesuatu yang tidak boleh dibanggakan (Musa Aman, 2004) dan merupakan satu kerugian kerana sektor ini merupakan salah satu sasaran ekonomi negara. Justeru, kertas ini, cuba menyelongkar beberapa senario keusahawanan Bumiputera dalam industri berasaskan kayu di Malaysia. Pemahaman scenario ini penting untuk difahami dan diambil langkah-langkah yang efektif bagi penambahbaikan kerana potensi industri ini amat menguntungkan.

LATAR BELAKANG

Bermula dari era 80-an, industri perabot telah menjadi salah satu sektor sosial-ekonomi yang sangat penting dan telah memberi sumbangan yang besar kepada negara terutama dari sudut eksport. Sebagai contoh, eksport perabot bernilai RM 18 juta pada tahun 1982, telah meningkat kepada RM 7.5 bilion

pada tahun 2008. Tidak hairan industri perabot Malaysia telah muncul sebagai 10 pengeksport perabot tertinggi dan penting di dunia (Kui, 2008).

Industri perabot kayu terus memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia, kerana ianya menjadi antara sumber pertukaran wang asing yang penting di kalangan komoditi negara (Abdullah Badawi, 2000). Industri berasaskan kayu juga telah melahirkan banyak peluang kerja. Peningkatan pesat ini turut menyediakan peluang pekerjaan kepada 87,000 orang pada tahun 2008 seterusnya meningkat kepada 211,236 pekerja di Malaysia (MTIB, 2011).

Industri perabot di Malaysia sangat berorientasikan eksport dimana 90% perniagaannya melibatkan perdagangan antarabangsa. Antara jenis perabot yang dieksport ialah perabot/kabinet dapur, perabot bilik tidur, dilengkapi dengan sarung dan juga rangka kayu serta perabot pejabat yang lebih dari 80% diperbuat daripada kayu getah. Pada tahun 2005, perabot kayu menyumbang 27.8% terhadap jumlah pendapatan eksport industri yang melebihi RM5.8 bilion.

Perabot Malaysia dieksport kepada lebih 160 buah negara yang terdiri dari pasaran tradisional utama iaitu Amerika Syarikat, Jepun, England dan Australia. Pasaran bukan-tradisional seperti Amerika Selatan, Asia Barat, Afrika, Russia, mahupun jualan kepada Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Negara-negara ASEAN. Sasaran utama eksport perabot Malaysia adalah Amerika Syarikat, Jepun, United Kingdom Australia dan Singapura. Perabot yang dihasilkan di Malaysia mempunyai ciri-ciri dari tradisional hingga kepada kontemporari. Justeru, kerajaan telah menyasarkan kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.6% setiap tahun. Pada tahun 2011, pertumbuhan perniagaan dalam sektor pembuatan menghampiri sasaran iaitu sebanyak 5.33% (Perbadanan Produktiviti Malaysia, 2011).

Perkembangan industri perabot Malaysia boleh dikesan berdasarkan empat (4) tahap yang berbeza (Ratnasingam & Tan, 2002), sebagaimana diterangkan secara ringkas dalam bahagian berikut:

- i. Pra Plan Induk Industri (Awal 80an)
Pada dekad 80-an, Malaysia mengeksport komoditi besar, terutama kayu gergaji dan kayu lapis. Dalam mewujudkan potensi pendapatan daripada sektor berasaskan kayu, kerajaan memulakan strategi perindustrian, yang berpaksikan kepada perdagangan eksport.
- ii. Plan Induk Perindustrian Pertama (1986-1995).
Plan Induk Perindustrian Pertama (1986-1995) bertujuan untuk meningkatkan kegiatan pemprosesan kayu hilitan. Kerajaan menyediakan pelbagai insentif fiskal dan dasar instrumen yang bertujuan untuk memacu aktiviti tersebut, terutama antara usahawan dalam kegiatan hulu atau 'up-stream'. Kadar pertumbuhan tahunan selama tahap ini berada di sekitar 40%.
- iii. Plan Induk Perindustrian Kedua (1996-2005).
Orientasi berasaskan pertumbuhan eksport diteruskan dalam Plan Perindustrian Kedua (1996-2005), telah berubah ke arah peningkatan nilai tambah dalam pembuatan perabot. Walaupun, pertumbuhan tahunan menurun sekitar 15%, industri perabot telah dikenal pasti sebagai "*industry target*" dan menjadi salah satu sektor pertumbuhan baharu ekonomi yang mana mengeksport perabot merupakan penyumbang utama pertumbuhan. Justeru, kerajaan telah membuat banyak program untuk membantu perniagaan perabot untuk meningkatkan penyertaan mereka di pasaran eksport perabot. Salah satu program yang telah dilakukan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), adalah bengkel ukiran kayu, iaitu untuk memberikan kemahiran ukiran kepada generasi muda dan juga masyarakat umum. MTIB juga telah mempromosi perabot tempatan dan telah mengadakan seminar untuk pengilang perabot bagi menilai isu yang dihadapi oleh industri perabot.
- iv. Plan Induk Perindustrian Ketiga (2006-2020).
Plan Induk Perindustrian Ketiga (2006-2020), memberi fokus kepada aspek untuk memastikan daya saing global sektor industri Malaysia adalah melalui inovasi, dan industri perabot telah disasarkan sebagai salah satu industri berasaskan sumbermentah tempatan. Dalam plan ini, pengeksportan industri kayu disasarkan tumbuh sebanyak 6.4% tahunan menjadi RM53 billion. Penyumbang utama pertumbuhan yang disasarkan adalah perabot dan produk panel seperti papan gentian kepadatan menengah dan kayu lapis. Produk-produk untuk eksport adalah dalam bentuk 'ready to assemble' atau 'knock-down' (Boon-Kwee Ng-Thiruchelvam, 2012) yang kebanyakannya terdiri dari perabot kabinet dapur, perabot bilik tidur, dilengkapi dengan sarung dan juga rangka kayu serta perabot pejabat. Lebih dari 80% perabot tersebut diperbuat daripada kayu getah.

Menurut Ratnasingam (2009) secara umumnya, perusahaan perabot Malaysia dapat dikategorikan ke dalam empat kategori: (i) industri skala kecil dan pertengahan yang ditubuhkan dan beroperasi di desa perabot, (ii) industri skala kecil yang ditubuhkan dan beroperasi di luar desa perabot, (iii) perkilangan besar dan pertengahan di miliki perniagaan-tempatan dan (iv) perusahaan besar di miliki bersama dan negara asing.

SENARIO USAHAWAN BUIPUTERA DALAM PERINDUSTRIAN BERASASKAN KAYU

Kajian ini mendapati tujuh (7) senario utama yang boleh dikaitkan dengan usahawan dan keusahawanan Melayu dalam perindustrian pembuatan perabot di Malaysia yang melibatkan saiz kilang atau bengkel, kekurangan sumber, tahap penggunaan teknologi, masalah kewangan, kreativiti dan inovasi, penglibatan kerajaan dan pencapaian di peringkat antara bangsa

Saiz Kilang

Sebahagian besar usahawan pengeluaran perabot bumiputera adalah bersaiz kecil dan segelintir sahaja yang memiliki perusahaan bersaiz sederhana. Syarikat besar dan yang bersaiz sederhana kebanyakannya dimiliki oleh kaum bukan bumiputera di Johor, Selangor, Perak dan Sarawak, sedangkan usahawan Bumiputera banyak beroperasi di negeri Selangor, Kelantan, Terengganu dan Kedah. Dikatakan 85% syarikat yang terlibat dalam industri perabot adalah PKS syarikat pembuatan, dan untuk memastikan daya saing mereka terpaksa memfokuskan kepada operasi tertentu (Ratnasingam, 2009) yakni dengan hanya mengeluarkan beberapa produk tertentu yang kebanyakan untuk pasaran tempatan.

Usahawan Bumiputera kebanyakannya menjalankan perniagaan secara tunggal atau perkongsian dalam kalangan ahli keluarga terdekat. Bahkan terdapat juga sebilangan usahawan yang melakukan perusahaan di rumah secara kecil-kecilan dan tidak berdaftar dengan mana-mana pihak berkaitan. Bilangan usahawan pengeluar perabot Melayu adalah rendah iaitu 300 syarikat atau 10 peratus sahaja berbanding dengan jumlah keseluruhan pengeluar perabot Malaysia iaitu lebih dari 3000 (Salleh Mujir, Sharin Mukhtar & Linda Hamid, 2008) dan di Semenanjung Malaysia bilangan usahawan bumiputera kini hanyalah berjumlah kurang dari 300 buah syarikat sahaja (MTIB, 2010). Bilangan ini tidak melibatkan usahawan yang bertukang secara kecil-kecilan tanpa mendaftar dengan agensi kerajaan. Mengikut Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebanyak 869 syarikat telah ditamatkan/menamatkan operasi masing-masing (SSM, 2009).

Kekurangan Sumber Dan Masalah Tenaga Kerja

Sebagaimana kekurangan yang lazimnya dihadapi oleh PKS, usahawan Melayu khususnya pengeluar produk berasaskan kayu juga beroperasi dalam pelbagai kekurangan seperti kewangan, peralatan teknologi rendah, lama dan tidak mencukupi, pekerja yang tidak mencukupi dan tidak ramai yang mahir, pengurusan yang lemah, tiada mempraktikkan pemasaran yang komprehensif serta kurang arif dalam ilmu perniagaan.

Antara kekurangan yang paling ketara adalah kesukaran untuk kayu gergaji berkualiti untuk dijadikan produk. Antara lain ia berpunca dari polisi penjagaan alam sekitar oleh kerajaan yang menyebabkan bekalan bahan mentah terus berkurang dari tahun ke tahun, yang menyekat kemajuan industri perabot kayu. Penebangan balak secara haram yang tidak menghiraukan undang-undang turut memusnah sumber bekalan kayu di di Malaysia. Mana-mana usahawan terbabit ingin menggunakan kayu-kayu keras tropikal seperti dari spesies bermutu seperti cengal, seraya kitam, sepi tang dan merbau mengalami masalah ini. Sebagai alternatif usahawan biasanya terpaksa menggunakan kayu lain yang kurang berkualiti (Kwang Sing Ngui, Anand Agrawal & Voon (2011) dan situasi ini mencabar usahawan dalam memenuhi piawai bagi tujuan eksport.

Dalam masa sama usahawan menghadapi masalah kos yang sering meningkat terutama pembelian kayu untuk dijadikan produk juga sering meningkat dan keadaan ini juga meningkat. Bahkan di Sarawak, walaupun banyak mempunyai hutan tropika yang banyak juga mengalami masalah yang sama. Keadaan ini berlaku di seluruh negara bahkan usahawan Sarawak juga terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi memandangkan sebahagian perkakasan perlu dibeli dari Semenanjung Malaysia, kos elektrik (Kwang Sing Ngui et al, 2011). Sebagai perbandingan, usahawan di Muar banyak mendapat bekalan kayu dari lokasi negeri yang berdekatan iaitu di Johor, Negeri Sembilan dan Melaka, manakala usahawan Melayu di Pantai Timur biasanya mendapatkan kayu dari

Pahang, Perak, Terengganu dan Kelantan. Sebagai pilihan mengurangkan kos, terdapat usahawan yang menggunakan kayu getah kerana ia lebih murah untuk dijadikan perabot (Ratnasingam, 2007).

Kekurangan lain adalah melibatkan sumber tenaga kerja buruh. Pada beberapa dekad sebelum ini, penawaran buruh telah dianggap sebagai salah satu faktor kejayaan industri perabot di Malaysia. Kini, kos buruh turut meningkat. Sebagai contoh kos tenaga kerja pada tahun 1986, adalah RM5.70 sehari telah meningkat kepada RM36 pada tahun 2008 (Ratnasingma & Thomas, 2008). Untuk mengurangkan kos pengurusan, kebanyakan usahawan sendiri terpaksa melakukan banyak kerja seperti bertindak sebagai pengurus, pembuat keputusan, menjadi tukang, pengurus kewangan, pereka-bentuk produk, memantau kualiti produk, latihan kepada pekerja, melayan pelanggan, menghadiri kursus, dan mengadakan perhubungan dengan pembekal atau pihak kerajaan. Senario ini pernah dikesan oleh Kasani (1991) yang mendapati usahawan melakukan pelbagai kerja dan sebahagian tugas dilakukan oleh orang yang bukan 'ahli' kerana usahawan menggunakan ahli keluarga yang kurang layak. Ini bererti mereka kurang berusaha mendapatkan pekerja yang betul-betul layak dan menjadikan salah satu faktor yang merencat pertumbuhan perniagaan.

Tambahan pula perusahaan ini kurang mendapat tumpuan pencari kerja kerana ia dihubungkan dengan gaji rendah, pekerja yang kurang mahir dan 'sweatshop employment conditions' (Boon-Kwee Ng & Thiruchelvam, 2012). Farydatul Nazly (2003) pernah menyatakan usahawan perabot kekurangan tenaga kerja yang menyukarkan mereka mencari saluran pemasaran secara berkesan. Situasi ini menyumbang kepada masalah ketidakcekapan pengurusan khususnya dalam kewangan dan perniagaan.

Tahap Penggunaan Teknologi

Umumnya tahap teknologi yang digunakan dalam industri perabot di Malaysia pada hampir setara dengan teknologi di negara-negara pengeluar perabot yang lain (Ratnasingam & Thomas, 2008), namun dalam konteks bumiputera, hanya segelintir usahawan yang mampu menggunakan peralatan moden yang mencukupi. Kebanyakannya masih menggunakan mesin lama, secara manual, mesin elektrik yang kapasitinya terhad yang telah mengakibatkan mereka kurang berdaya-saing kerana produktiviti rendah. Kekurangan ini boleh dianggap juga sebagai kekurangan sumber yang akhirnya boleh membawa kepada kegagalan PKS (Chak, 1998).

Kekurangan Sumber Kewangan

Sebahagian besar usahawan perabot Melayu menghadapi masalah kewangan. Ada dalam kalangan mereka yang memulakan perniagaan dengan sumber kewangan sendiri atau perkongsian dengan ahli keluarga. Masalah kewangan telah menghalang untuk mereka membeli dan meningkatkan keupayaan mesin dan peralatan untuk menghasilkan produk ke pasaran (Puteri Fadzline, Razali & Norzanah, 2008). Masalah ini seterusnya mungkin memberi kesan kepada ketidakcekapan pengurusan yang melibatkan aspek kewangan dan pengeluaran (Farydatul Nazly, 2003) yang menyukarkan mereka untuk bersaing dengan usahawan kaum lain yang menggunakan modal yang bersaiz besar dan mampu memiliki sumber pengeluaran yang lebih banyak. Tinjauan awal penulis terhadap beberapa usahawan perabot Melayu di Kelantan dan Terengganu, umpamanya mendapati mereka menghadapi masalah kewangan untuk membeli kayu yang berkualiti, menggunakan mesin moden yang berkapasiti tinggi, menggaji pekerja yang mahir serta tidak sanggup menerokai perniagaan berskala besar kerana bimbang risiko dan ketidakpastian. Selain itu, mereka juga menghadapi masalah untuk memungut hutang yang memberi kesan negatif dalam perniagaan (Noor Hazlina & Pi-Shen Seet, 2009).

Pengetahuan, Kreativiti Dan Inovasi Rendah

Senario yang berkaitan dengan pengetahuan, kreativiti dan inovasi penting untuk diteliti kerana terdapat andaian sebahagian usahawan Melayu yang telah memulakan perniagaan menceburi pembuatan perabot setelah bekerja dan menimba pengalaman secara tidak langsung dengan majikan masing-masing. Walaupun mereka mempunyai kemahiran teknikal mereka seolah-olah tidak mempunyai pengetahuan berkaitan teori perniagaan dan pengurusan. Mereka didedahkan dengan pelbagai pengetahuan secara formal oleh kerajaan setelah mula menceburi perniagaan sendiri. Ratnasingam (2002) dalam hal ini menyatakan usahawan bumiputera berbakat tetapi kurang memiliki pengetahuan teknikal dan perniagaan. Lebih dari itu, mereka tidak memanfaatkan bakat peribumi untuk mengembangkan rekaan perabot yang benar-benar mencerminkan identiti Malaysia. Ching (2005) dalam hal ini menyatakan bumiputera kurang mahir dengan pasaran eksport dan ini mungkin memberi kesan kepada soal inovasi terutama dalam pasaran yang kompetitif.

Inovasi dalam teknologi yang melibatkan sama ada produk atau proses merupakan penggerak utama dalam persaingan firma (Dodgson, 2000, Ettlie, 2000) dan reka-bentuk adalah salah satu senjata pemasaran yang berkesan dalam persaingan (Kotler & Armstrong, 2001). Justeru, dalam konteks reka bentuk produk, ilmu yang bersesuaian dan kemahiran teknikal pertukangan perlu kerana pengeluaran produk ini adalah bercorak perniagaan ekonomi-budaya. Ini bermakna seseorang usahawan bukan sahaja perlu memiliki personaliti tertentu, namun mereka perlu menguasai kepelbagaian ilmu, kemahiran, pengalaman dan kreativiti. Fritsch Bixy & Falck, 2006) dalam hal ini menyokong hal ini dengan menyifatkan memasuki pasaran dan bersaing melibatkan soal ketidakpastian yang menuntut kepelbagaian kelayakan pelbagai yang jarang-jarang dimiliki oleh seseorang manusia. Ini menyumbang kepada banyak firma yang terpaksa meninggalkan pasaran dan hanya sedikit yang mampu bertahan dalam jangka panjang. Persoalannya adakah usahawan sendiri perlu kreatif atau memadai ia dimiliki oleh firma berkenaan sahaja? Penyelidik Pusat Kepimpinan Kreatif mencadangkan agar organisasi meningkatkan kreativiti pekerja melalui pembentukan suasana kerja yang memberi motivasi 'intrinsic' terhadap kerja. Pihak MTIB menyarankan agar usahawan pengeluar mengubah dari Original Equipment Manufacturing (OEM) kepada Own Design Manufacturer (ODM) dan Own Brand Manufacturer (OBM), perkongsian teknologi dan strategi pemasaran global (Kamaruzaman Othman, Loke Sim Wah & Norazimah Sarkom, 2008), tetapi usahawan kecil Bumiputera tidak mepedulikan OBM dan hanya segelintir usahawan yang menggunakan kaedah ODM dan masih ramai menggunakan OEM.

Penglibatan Kerajaan

Memang tidak dapat dinafikan kerajaan telah banyak berperanan dalam mengembangkan industri perabot kayu Malaysia sehingga menjadi salah sebuah negara pengeksport terkemuka. Ratnasingam dan Thomas (2008) telah menyenaraikan beberapa rangsangan yang menyokong pertumbuhan industri perabot di Malaysia yang melibatkan ; (i) bahan mentah;. dikatakan sebagai salah satu faktor kelestarian yang penting, namun bekalan tersebut makin terhad akibat keterbatasan kayu bermutu, menyekat kemajuan perniagaan. Kerajaan dalam hal ini memastikan keperluan mengawal kemajuan perniagaan dan penjagaan alam sekitar, ini berlaku seiringan dan tidak bertentangan antara satu sama lain. (ii) tenaga kerja murah; sering dianggap sebagai satu faktor kelestarian industri perabot Malaysia. Hal ini terjadi sebelumnya, tetapi dengan proses industrialisasi yang pesat, kos tenaga kerja telah terus meningkat. Pada tahun 1986, kadar tenaga kerja adalah sebanyak RM4.50 sehari, sedangkan pada tahun 2008, ia telah meningkat lebih 6 kali ganda menjadi RM28.50 sehari (iii) Penyediaan modal; menjana pertumbuhan pesat industri perabot. Antara lain ini berlaku melalui pelaburan domestik (70%), dan pelaburan asing (30%) terutama dari Taiwan dan Singapura. (iv) Aplikasi teknologi; turut memainkan peranan. Boleh dikatakan tahap teknologi yang digunakan dalam industri perabot Malaysia setara dengan negara-negara perniagaan perabot lain.. Penggunaan teknologi adalah penting untuk meningkatkan produktiviti perniagaan dan juga untuk kelebihan bersaing. (v) Dasar kerajaan: Peranan dasar kerajaan dalam pembangunan industri perabot Malaysia adalah signifikan. Dengan bantuan daripada pihak kerajaan, perniagaan-perniagaan perabot PKS akan dapat bertahan dengan lebih lama dan dapat memberi persaingan yang lebih kepada perniagaan-perniagaan lain. Melalui persaingan, ekonomi sesebuah negara akan berkembang dengan pesat kerana masing-masing berlumba untuk terus maju (vi) Struktur industri: Relatifnya industri perabot Malaysia adalah amat rapuh berbanding dengan industri lain. Industri ini di dominasi oleh usahawan kecil dan sederhana (PKS). Pada tahun 2008, hanya 128 kilang dikelaskan sebagai perniagaan besar, sementara bakinya diklasifikasikan sebagai PKS. Kebanyakan perniagaan-perniagaan yang lahir tidak mampu untuk bersaing kerana terhalang oleh pelbagai faktor seperti bahan mentah, modal, dan sebagainya. (vii) Perabot kluster: Perkembangan pesat dari industri perkilangan perabot telah dikaitkan dengan rangkaian luas atau kegiatan sub-kontrak yang berlaku dalam industri. Amalan seperti ini membolehkan skala ekonomi dan penyebaran perbelanjaan, yang memberikan daya saing dari segi penyampaian kos.

Memang tidak dapat dinafikan usahawan Melayu turut mendapat manfaat kerana berpeluang menghadiri kursus anjuran kerajaan melalui agensi seperti MTIB, PUSAT GIAT MARA, ILP, FITEC. Contohnya kursus anjuran agensi kerajaan terutama MTIB seperti bengkel pertukangan, penyelenggaraan kilang, menyediakan pusat perabot siap, dan memperkenalkan kawasan Taman Industri Perabot di Olak Lempit Selangor, Setiu Terengganu, Senawang di Negeri Sembilan, Bukit Selambau di Kedah, Kuantan dan Temerloh di Pahang, dan Mukim Blanja di Perak.

Agensi penting dalam perindustrian perabot adalah MTIB, yang melaksanakan program tertentu dalam menyediakan kemudahan kepada usahawan perabot seperti kursus penyelenggaraan kilang, menyediakan pusat perabot siap dan memperkenalkan konsep kilang-kilang di dalam Taman Industri Perabot. Selain itu MTIB juga telah memperluaskan pasaran, khidmat projek perintis serta

projek peningkatan kemahiran melalui kursus-kursus dan juga khidmat nasihat. Ketiga projek diperuntukkan berjumlah RM29.90 juta atau 74% daripada jumlah RM40.40 juta diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ke sembilan (2006-2010). Selain itu, MTIB juga memperkenalkan skim pinjaman kewangan untuk mendapatkan bahan mentah dan mengguna pakai mesin berteknologi tinggi dalam bentuk dana sebesar RM13.01 juta untuk membantu perniagaan PKS yang mengalami masalah kewangan dalam memenuhi permintaan pasaran yang kian meningkat.

Menurut Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA 2005), syarikat perabot Malaysia telah memberikan penekanan yang lebih besar pada reka bentuk, kekemasan dan produk berkualiti tinggi dengan jenama sendiri. Beberapa syarikat perniagaan telah berubah dari membekalkan perabot pasang siap kepada pembuatan perabot-perabot yang direka sendiri. Menyedari keperluan untuk berpindah dari mereka cipta secara manual, kegunaan 'Computer Aided Design' (CAD), salah satu perisian yang popular digunakan oleh perniagaan perabot Malaysia hari ini. Untuk menghasilkan reka bentuk yang berfungsi dengan baik dan estetika, perniagaan perabot Malaysia telah berani untuk memanfaatkan pelbagai bahan lain seperti logam, kaca, plastik dan bahan komposit lain di dalam kombinasi dengan kayu getah atau jenis kayu lain untuk pasaran yang semakin canggih.

Pihak kerajaan turut mengadakan pelbagai inisiatif lain seperti mengadakan dialog, bantuan kewangan, nasihat teknikal, membiayai lawatan usahawan di dalam dan luar negara untuk mengembangkan idea, tahap kreativiti dan rangkaian perniagaan dalam dan luar negara. Senario ini menyebabkan usahawan perabot Melayu terlalu bergantung pada kerajaan (Hun, 2007) seperti bantuan kewangan untuk pembelian alatan pengeluaran, pemasaran, latihan dianggap sebagai satu dilemma kepada usahawan Bumiputera, bahkan terdapat ketidaksesuaian antara bantuan oleh kerajaan kepada usahawan terbabit (Puteri Fadzline, et al, 2008).

Tahap Penyertaan Rendah Di Peringkat Antara Bangsa

Sektor pembuatan produk yang berasaskan kayu terutama perabot, merupakan salah satu sasaran ekonomi Malaysia sejak Pelan Induk Perindustrian Kedua, 1996-2005 (Ratnasingam & Tan, 2002), dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (2006-2020) bahkan 79.4% perabot kayu Malaysia dieksport ke luar negara (MFPC, 2009). Melalui sumber pendapatan kepada golongan tersebut, Malaysia secara tidak langsung telah mendapat faedah dari segi pertumbuhan ekonomi dan juga pengukuhan mata wang melalui aktiviti eksport. Isu yang timbul adalah tentang bilangan usahawan bumiputera khususnya Bumiputera yang menjadi pemain peringkat antara bangsa adalah kecil berbanding dengan kaum bukan bumiputera. Sebagai contoh, antara tahun 1997-2009, bilangan usahawan bumiputera yang menjadi pengeksport adalah kecil iaitu dalam lingkungan 15 hingga 50 syarikat. Pada tahun 1997, terdapat 38 buah perniagaan yang mengeksport perabot dengan nilai RM111.7 juta atau 4.5% daripada jumlah keseluruhan nilai eksport iaitu RM2610 juta. Lihat Jadual 1.

Berdasarkan Jadual 1 didapati pada tahun 1998, penyertaan pengeksport bumiputera telah meningkat kepada 50, dimana tahun sebelumnya 38, tetapi nilai eksport bagaimanapun merosot kepada 4% sahaja atau RM135.2 juta (jumlah keseluruhan RM3330 juta). Dari tahun 1999 hingga ke tahun 2003, nilai eksport bumiputera terus merosot, di antara 2.5% hingga 1.2%. Pada tahun seterusnya, iaitu pada tahun 2004, nilai eksport bumiputera terus berada di bawah 1% hinggalah ke tahun 2009. Penurunan peratusan eksport berlaku secara konsisten iaitu 0.3% di antara tahun 2004 hingga 2007. Kenaikan kecil iaitu 0.4% atau RM28 juta (dari jumlah keseluruhan iaitu RM6990 juta) berlaku pada tahun 2008, manakala pada tahun 2009 pula meningkat sedikit lagi kepada 0.5% atau RM30 juta (dari jumlah RM6277 juta). Ini bermakna, bilangan pengeksport dan nilai eksport bumiputera menurun sejak 1999 hingga 2009. Selain daripada itu, usahawan bumiputera juga didapati hanya menguasai 20% pasaran domestik negara Malaysia.

IMPLIKASI TERHADAP PENYELIDIKAN

Berdasarkan senario yang dibincangkan di atas, ia menimbulkan banyak persoalan, seperti apakah sebab yang membolehkan usahawan bumiputera berjaya meneruskan perniagaan di Malaysia? Sebagai contoh, senario yang dinyatakan di atas iaitu kekurangan bahan mentah terutama kayu, kekurangan kewangan, kos yang meningkat, kesukaran mendapat pekerja, teknologi rendah dan pengantungan yang tinggi kepada kerajaan menyebabkan kesukaran usahawan perabot Melayu untuk survival dalam industri ini. Jikalau kelemahan berlaku secara berterusan ia akan membantutkan aspirasi nasional yang ingin mencapai tahap pemilikan ekuiti bumiputera 30% yang telah lama diperkenalkan melalui Dasar Ekonomi Baru di Malaysia. Buat masa kini ia masih di tahap rendah hanya iaitu 21.9% pada tahun 2008 (Unit Perancangan Ekonomi, 2011).

Justeru, penyelidikan akan datang berkaitan dengan scenario usahawan dan keusahawanan perabot Melayu dan memberi input yang berguna yang boleh dinilai dan seterusnya pihak bertanggungjawab boleh mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil dalam menangani permasalahan ini. Industri ini secara umumnya masih dianggap berteknologi rendah dan dikatakan kurang mendapat perhatian berbanding industri berteknologi tinggi seperti automotif, bioteknologi, teknologi komunikasi dan aerospace dari sudut polisi dan tindakan (Boon-Kwee Ng & Thiruchelvam, 2012). Masa depan industri ini bergantung kepada sejauh mana ia mampu bertindak balas terhadap keperluan keadaan sekarang dan akan datang dan sokongan kerajaan perlulah kearah memantapkan daya saing usahawan perabot Melayu (Kamaruzaman et. al, 2008).

KESIMPULAN

Umumnya, tujuh senario yang dinyatakan dalam kertas ini secara amnya boleh dikatakan menjurus kepada pendedahan kekurangan keupayaan usahawan pengeluar produk perabot kayu Bumiputera di Malaysia untuk meneruskan kelangsungan perniagaan. Cabaran utama yang dihadapi industri perabot Malaysia bermula daripada bahan mentah, kecekapan dalam perniagaan, kualiti dan penerimaan reka bentuk dan persaingan sengit dari pengeluar yang berskala besar. Tekanan persaingan yang dihadapi menuntut usahawan lebih kreatif dan inovatif bagi bersaing di pasaran domestik dan antara bangsa. Mereka umpamanya perlu responsif ke atas cadangan kerajaan yang menggalakkan industri ini berganjak dari sekadar *Original Equipment Manufacturer* (OEM) ke *Own Design Manufacturer* (ODM) dan *Own Brand Manufacturer* (OBM). Antara persoalan yang harus diselidiki adalah bagaimana usahawan Bumiputera menghadapi pelbagai kekangan yang menghalang dan mampu menjadikan syarikat mereka berjaya meneruskan kelestarian perniagaan?. Strategi yang mereka amalkan dan kelebihan yang ada pada mereka perlulah menjadi contoh kepada usahawan Melayu yang lain. Usahawan perabot Melayu perlulah mengelak senario 'Hidup Segan, Mati Tak Mahu'. Memandangkan jawapan persoalan ini perlulah berbentuk bagaimana usahawan Melayu yang berjaya mampu menempuh cabaran dengan jayanya diselidiki secara terperinci kertas ini mencadangkan kajian lanjut dilakukan terutama dengan menggunakan kaedah kualitatif bagi memahami situasi sebenar bagi tujuan penambahbaikan kepada industri ini dan ekonomi negara amnya.

RUJUKAN

- Abdullah Haji Ahmad Badawi.(2000). Perasmian Pameran Perabot Antarabangsa Malaysia 2000 Malaysia International Furniture Fair 2000, MIFF 2000.Capaian Sept, 12, 2010, melalui <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=paklahtpm&id=3463>
- Audretsch, D.B., 1991. New-firm survival and the technological regime, *Review of Economics and Statistics*, 60: 441-450..
- Boon-Kwee Ng & Thiruchelvam (2012). Forest Policy and Economics 14 . 107–118, The dynamics of innovation in Malaysia's wooden furniture industry: Innovation actors and linkages, *Forest Policy and Economics* 14 (2012) 107–118
- Ettlie, J. E. (2000) . *Managing technology innovation*. New York: John Willey & Sons.
- Robiyah Husin (2011), Furniture industry in Malaysia- Status and market prospect: Seminar on Sabah Furniture Industry- A potential hub for outdoor furniture, Kota Kinabalu.
- Chak, C.M. (1998). Strategic Management for small and medium enterprises. Unpublished Doctor of Philosophy, St. Clement University USA. Dalam Noor Hazlina Ahmad & Pi-Shen Seet (2009), Dissecting behaviours associated with business failure: A qualitative study of SMEs owners in Malaysia and Australia, *Asian Social Science*, Vol 5 (9), September (2009).
- Dodgson, M., (2000). *The Management of technology innovation: An international and strategic approach*, UK Oxford University Press.
- Farydatul Nazlyl (2003), *Taman Industri Perabot di Semenanjung Malaysia: Pengajaran untuk penubuhan TIP di Sabah*.
- Fritsch, M., U. Brixly and O. Falck, 2006. The Effect of Industry, Region, and Time on New Business Survival-A Multi Dimensional Analysis, *Review of Industrial Organization* 28: 285-306.
- Hun, C. J. (2004, February 16). Bumiputra furniture makers urged to be more competitive. *Business Times*, 4.
- Kamaruzaman Othman, Loke Sim Wah & Norazimah Sarkom (2008) Development of the furniture industry in Malaysia and its challenges, *International furniture conference exhibition*, Kuala Lumpur, 28 Julai 2008.

- Kwang Sing Ngui, Anand Agrawal and Jan P Voon (2011) Challenges Impeding Competitiveness of the Wooden Furniture Manufacturing Industry: the Case of Furniture Industry in Sarawak, Malaysia, *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 5(9): 1135-1145, 2011 ISSN 1991-8178
- Kasani Yusof. (1991). *The development dan future prospect of Malaysia rubber wood furniture prospect of Malaysia*. (Unpublished Master dissertation). University of Wales Bangor, UK. Department of Forestry.
- Kui, D. P. (2009). Malaysian International Furniture Fair. *News Strait Times* Malaysia. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. (2006). *IMP3: Pelan induk perindustrian ketiga 2006-2020; Malaysia ke arah daya saing global*. Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.
- Mohd Salleh Mujir, Sharin Mukhtar & Linda Hamid. Integrated furniture design strategy as competitive business tools: Case study on business Bumiputera's SMEs Contract furniture manufacturer, 2008 ifcx, International furniture conference exhibition, Kuala Lumpur, 28 Julai 2008.
- Mohd Zanuri, Asry, Tuan Rosli, Yeop Husin & Norbaizura (2008), "A study on customer preference on Malaysia wood furniture" dalam 2008ifcx International Furniture Conference Exhibition, Kuala Lumpur, 28 Julai, 2008.
- Musa Haji Aman. (2004). *Ucapan perasmian sempena majlis perasmian Karnival Jualan Perabot Bumiputera di Ruang Legar Kompleks Karamusang, Kota Kinabalu, Sabah*. Capaian September 20, 2010 melalui <http://www.sabah.gov.my/press/docs/2004000217.htm>
- MFA, 2008. MFA 25th Anniversary Special Edition: 25 Years of Glory 1982–2008. Muar Furniture Association, Malaysia.
- Malaysia Furniture Industry Council (MFIC), 2009). <http://www.mfic.gov.my>.
- MFPC, 2009. Malaysian Furniture Trade Performance 2008. Malaysian Furniture Promotion Council, Malaysia. MTIB, 2011
- Malaysia. Jabatan Perdana Menteri. Unit Perancang Ekonomi. (2010). *Ninth Malaysian Plan (2006-2010)*. Capaian Oktober 30, 2011 melalui <http://www.epu.jpm.my/RM9/html/english.htm>
- Malaysia. Jabatan Perdana Menteri. Unit Perancang Ekonomi. (2011). *Portal rasmi*. Capaian Jun 7, 2011 melalui <http://www.epu.gov.my/neweconomicpolicy>
- National Timber Industry Policy (NATIP), Malaysia Timber Board, 2011.
- Noor Hazlina Ahmad & Pi-Shen Seet (2009), Dissecting behaviours associated with business failure: A qualitative study of SMEs owners in Malaysia and Australia, *Asian Social Science*, Vol 5 (9), September (2009).
- Perbadanan Produktiviti Malaysia. (2011). Capaian Jun 19, 2011 melalui http://www.mpc.gov.my/home/index.php?cont=c2&item=1&sstr_lang=bm&t=3
- Puteri Fadzline, A. K., Razali, & M. N. Norzanah (2008, July). *The dilemma of Bumiputera furniture manufacturers*. Kerja dibentangkan di International Furniture Conference Proceedings, 2008ifcx.
- Ratnasingam, J. (2009). The success of forest industry clusters: The Malaysian experience. *XIII World Forestry Congress*. Buenos Aires, Argentina, 18-23 October 2009.
- Ratnasingam, J., & Tan, C. Y. (2002). *The Malaysian furniture industry: A pocket guide*. Kuala Lumpur: Asian Timber Publication.
- Malaysia. Jabatan Perdana Menteri. Unit Perancang Ekonomi. (2011). *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara
- Tuan Mohd Rosli Tuan Hassan, Mohd Rafi Yaacob, Mohd Shukri Omar, Nik Kamaruzaman Ab Latiff, Ahmad Faez Halim, & Ahmad Hafez. (2011, October). *Factors contributing to manufacturers' sustainability of wood furniture entrepreneurs*. Kertas kerja dibentangkan di UiTM Sarawak Conference, 18-19 Oct 2011, Kuching, Sarawak.

JADUAL 1.: Jumlah pengekspot perabot bumiputra pada tahun 1997-2009

Tahun	Jum. Pengeksport Perabot Bumiputera	Eksport (RM Juta)		Pengeksport Bumiputera (%)
		Malaysia	Bumiputera	
1997	38	2610.0	111.7	4.5
1998	50	3330.0	135.2	4
1999	41	3960.0	98.1	2.5
2000	35	4480.0	119.0	2.7
2001	36	3840.0	68.8	1.8
2002	21	4200.0	70.0	1.7
2003	19	4722.8	56.3	1.2
2004	14	5486.6	17.9	0.3
2005	17	5849.2	14.9	0.3
2006	23	6464.0	19.2	0.3
2007	21	6715.9	22.6	0.3
2008	18	6990.0	28.0	0.4
2009	15	6277.8	30.3	0.5

Sumber: *National Timber Industry Policy (NATIP)*, 2001 dan *Malaysian Timber Boa (MTIB)*, 2011.